

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## PM pengerusikan mesyuarat ke-28 NCIA

### PM pengerusikan mesyuarat ke-28 NCIA

**Kuala Nerang:** Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mempengerusikan mesyuarat ke-28 Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap.

Mesyuarat yang berlangsung hampir dua jam itu turut disertai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ketua Eksekutif NCIA Datuk Seri Jebasingam Issace John.

Selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 10 minit melawat tapak pameran peserta Program Modal Insan Bersepadu Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang berjaya serta beramah mesra dengan peserta berkenaan.

Sementara itu, NCIA dalam satu kenyataan berkata usaha mempercepatkan pertumbuhan serta pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19 di NCER terus membuahkan hasil dengan pemulihan dan ketahanan kukuh ekonomi yang dicatatkan wilayah itu pada 2021 dijangka berterusan pada tahun ini.

"Sentimen pelabur yang positif, pelaksanaan projek dan program strategik, serta insentif menarik oleh Kerajaan Persekutuan melalui NCIA dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan serta pemulihan ekonomi di wilayah tersebut untuk tahun ini," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menambah usaha pemulihan pasca pandemik NCIA di NCER adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Negara dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Ia dilaksanakan melalui pendekatan serampang tiga mata iaitu Memudahcara Pelaburan

Swasta, Melaksanakan Projek-projek Strategik Utama dan Program-program Modal Insan Berteraskan Rakyat seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) dan Rangka Kerja Strategik Pasca COVID-19," katanya.

Projek berpimpak tinggi yang akan dilaksanakan untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta ke wilayah itu antaranya ialah Bandaraya Getah Kedah atau Kedah Rubber City (KRC), Kawasan Perindustrian Projek Pembangunan Lembah Chuping (CVIA), Perlis Inland Port, SilverValley Technology Park (SVTP) dan Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC).

Dalam pada itu, NCIA menyenaraikan prestasi dagangan eksport NCER pada suku tahun pertama hingga suku tahun ketiga 2021 juga meningkat sebanyak 20 peratus tahun ke tahun, menyumbang 36 peratus daripada eksport negara.

"Peningkatan tersebut dipacu oleh pertumbuhan dalam sektor pembuatan elektrik dan elektronik (E&E) dan peranti perubatan, serta produk minyak sawit.

"Kadar pengangguran di NCER juga kekal di bawah kadar pengangguran nasional pada 4.1 peratus setakat suku tahun ketiga 2021, manakala kadar penyertaan tenaga buruh telah meningkat secara berterusan kepada 67.8 peratus dan diunjurkan menunjukkan aliran peningkatan pada 2022," kata kenyataan itu.

Selain itu, pelaksanaan projek strategik dan pelaburan swasta di NCER adalah berkait rapat dengan program modal insan berteraskan rakyat oleh NCIA dengan hampir 68,000 rakyat dari 30 daerah di NCER yang terdiri daripada kumpulan sasar B40, wanita dan Orang Asli mendapat manfaat daripada program itu sejak 2019. BERNAMA



Ismail Sabri (kanan) ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Ke-28 di Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap, semalam. (Foto BERNAMA)